

# Malaysia, Syria meterai 12 perjanjian tingkat kerjasama dua hala

UM 18 AUG 2003

DAMSYEK 17 Ogos — Perwakilan Malaysia dan Republik Syria hari ini menandatangani 12 perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) yang melibatkan pihak kerajaan dan sektor swasta dalam kerangka meningkatkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Mustapha Merro turut menyaksikan majlis pemeteraian yang berlangsung selepas mesyuarat antara perwakilan kerajaan kedua-dua negara di Pejabat Perdana Menteri Syria itu petang ini.

Dua perjanjian adalah antara kerajaan yang meliputi kerjasama di bidang ekonomi, kebudayaan, saintifik dan teknikal; dan kerjasama perdagangan. Agensi berita Bernama turut memeterai perjanjian pertukaran berita dengan Agensi Berita Arab Syria (SANA).

Dua memorandum perjanjian ditandatangani antara Perbadanan Pembangunan Multimedia Sdn. Bhd. dengan Kementerian Kewangan Syria Kementerian Pendidikan Syria yang meliputi kerjasama dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Empat MoU ditandatangani antara pihak kerajaan meliputi kerjasama di bidang sains dan teknologi; kerjasama ICT; kerjasama perangkaan; dan kerjasama antara Bank Negara Malaysia dan Bank Pusat Syria.

Di pihak swasta, tiga MoU dimeterai antara Proton Bhd. dan Modern Technology Trading Company; UCT-Sunan Sdn. Bhd. dan Syrian Telecommunications Establishment (STE); dan Big Boss Industrial Corporation Sdn. Bhd. dengan Al-Rawda Trading.

Pada pagi ini Dr. Mahathir mengadakan pertemuan empat mata dengan Presiden Syria Dr. Bashar Al-Assad di Istana Rakyat dan menghadiri jamuan negara untuknya pada sebelah malam.

Dalam ucapannya pada majlis makan malam itu, Perdana Menteri berkata pemeteraian perjanjian dan MoU itu memperkukuh hasrat kedua-dua negara untuk meningkatkan kerjasama di peringkat kerajaan dan sektor swasta.

Di samping itu, katanya, kedua-dua negara juga sedang berusaha untuk memperluaskan kerjasama di bidang pendidikan, pelancongan, pembangunan tenaga manusia, belia, sukan dan minyak serta gas. — *Utusan*